

16 DEC 1997

RAMAI PEKERJA ASING DIJANGKA HILANG PEKERJAAN

PETALING JAYA, 16 Dis (Bernama) -- Ramai pekerja asing di sektor pembinaan dan pekilangan dijangka hilang peketjaan jika keadaan ekonomi terus merosot dalam masa empat atau lima bulan lagi, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata para majikan di sektor-sektor yang masih berdaya maju dan mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerja boleh mengambil kesempatan ini.

"Mereka (majikan) boleh mendapatkan khidmat pekerja asing ini yang kini berjumlah kira-kira 1.2 juta orang," katanya pada majlis jamuan anjuran Persatuan Penjaja Akhbar Orang India Selangor dan Wilayah Persekutuan malam ini.

Menjawab permintaan persatuan itu yang meminta kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing dari depoh tahanan, Tajol berkata kerajaan tidak akan membenarkan pengambilan mereka kerana mereka ditahan disebabkan memasuki negara ini secara haram.

Bagaimanapun, persatuan boleh mendapatkan pekerja-pekerja asing yang memasuki negara ini secara sah.

Beliau juga menggesa pihak persatuan supaya memanfaatkan sumber-sumber yang sedia ada dalam suasana ekonomi negara sekarang.

Pada majlis itu juga, persatuan menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

YBK FAZ